

Jangan pandang ringan wabak cacar monyet – WHO



GENEVA, SWITZERLAND – Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus memberi amaran bahawa jangkitan individu ke individu penyakit cacar monyet berterusan dan 'berkemungkinan besar dipandang ringan'.

Tedros mengeluarkan amaran itu semasa mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kecemasan WHO mengenai penularan cacar monyet di peringkat global, lapor akhbar *Saudi Gazette* kelmarin.

Mesyuarat itu bagi memutuskan sama ada wabak cacar monyet wajar diisytiharkan sebagai darurat kesihatan antarabangsa. Menurut Tedros, penularan cacar monyet di negara endemik dan bukan endemik tidak boleh

dipandang ringan.

Kluster misteri pertama muncul di Britain lebih enam minggu lalu melibatkan tiga kes cacar monyet melibatkan sebuah keluarga yang tidak melakukan perjalanan ke luar negara.

"Sejak itu, lebih 3,200 kes cacar monyet dan satu kematian dilaporkan kepada WHO. Semua berasal dari 48 negara termasuk Nigeria dan di lima wilayah WHO," kata Tedros.

Katanya, wabak di negara-negara yang baru terjejas terus berlaku terutamanya dalam kalangan lelaki gay dan pengamal seks bebas atau berbilang pasangan.

"Jangkitan individu ke individu terus berlaku dan mungkin lebih besar daripada jangkaan. Di Nigeria, wanita yang terjejas adalah lebih ramai berbanding

negara-negara lain", jelas Tedros.

Beliau berkata, setakat tahun ini, hampir 1,500 kes disyaki cacar monyet dan kira-kira 70 kematian dilaporkan di rantau Afrika Tengah terutamanya Republik Demokratik Congo, Republik Afrika Tengah dan Cameroon.

Dalam ucapannya, Tedros meminta negara-negara anggota WHO berkongsi semua maklumat mengenai cacar monyet.

"Kita melihat sendiri kesan buruk yang berlaku apabila negara-negara gagal bertindak sedemikian," katanya.

Beliau meminta supaya penemuan kes, pengesanan kenalan, penyiasatan makmal, penjujukan genom, dan pelaksanaan langkah pencegahan serta kawalan jangkitan lain dikongsi dengan WHO. – AGENSI

GAMBAR yang dirakam pada 22 Jun lalu dan disiarkan oleh Agensi Keselamatan Kesihatan Britain (UKHSA) menunjukkan ruam akibat penyakit cacar monyet. – AFP